

# Kerajaan sedang kaji SSB — PM

UM 22 FEB 2000

**S**HAH ALAM 21 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedang mengkaji semula pelaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB) dan akan mengam- bil kira pandangan CUE- PACS dalam kajian itu.

Dalam hal ini, Perdana Menteri menolak laporan yang dibuat oleh sebuah akhbar hari ini bahawa kuasa penentuan kenaikan gaji kakitangan kerajaan kini telah dipindah daripada ketua jabatan kepada satu panel tiga anggota.

"Kita belum buat kepu- tusan lagi. Ini spekulasi sahaja," katanya kepada pemberita selepas meras- mikan kilang baru telefon

mudah alih. Ericsson, di Bukit Jelutong di sini, hari ini.

Akhbar berbahasa Ing- geris itu memetik sumber sebagai berkata peminda- han kuasa itu dibuat beri- kutan kritikan daripada CUEPACS bahawa ada ketua jabatan yang me- nyalahgunakan keduduk- an mereka untuk membe- ri kenaikan gaji kepada orang tertentu.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan sedang menga- dakan rundingan dengan CUEPACS bagi mencari penyelesaian terbaik un- tuk skim berkenaan.

Perdana Menteri berka- ta, beliau sendiri telah berbincang dengan Presi- den CUEPACS, N. Siva

Subramaniam, mengenai memorandum kesatuan itu yang antara lain men- cadangkan penghapusan SSB.

"Kita akan kaji dan ini mengambil sedikit masa," katanya.

CUEPACS sejak 1995, menggesa kerajaan me- mansuhkan jadual gaji matrik di bawah SSB dan menggantikan skim itu dengan kenaikan gaji ber- asaskan pengetahuan.

Hasil kajian CUEPACS mendapati sistem itu ti- dak membantu peningka- tan produktiviti, sebalik- nya lebih menimbulkan masalah salah faham an- tara pekerja dan majikan.

Berikutan itu, CUE- PACS mengemukakan

memorandum mengandu- ngi tujuh agenda utama termasuk kajian semula formula bayaran pencen kepada Jabatan Perkhid- matan Awam (JPA) pada tahun lalu.

Agenda lain meliputi pemansuhan sistem jadu- al gaji matriks, menaik- kan taraf perkhidmatan kakitangan awam, peng- anjuran kursus kemahir- an dan teknologi maklu- mat serta pengendalian kursus sejarah.

Dua agenda lain ialah menaikkan taraf kursus- kursus di bawah kendali- an Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) dan kajian semula kaedah pelantikan ketua-ketua jabatan.